

TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

DI MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM KREATIVITI DAN SCIENCE 4U

7 MAC 2015 (SABTU), 11.00 pagi

SEKOLAH MENENGAH TEKNIK TUANKU JAAFAR

Yang Berhormat Dato' Shamsulkahar Mohd Deli

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Dan Kesihatan (EXCO),

YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI,

YBhg. Dato' Hajah Kalsom Khalid

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan,

Yang Berusaha Tuan Haji Zilkiflee Abd. Rahman

Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar,

Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sembilan,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta Pelajar yang dihormati sekalian.

Alu-aluan

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana mengizinkan kita untuk sama-sama berkumpul dalam Majlis ini.
2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan kerana telah bersetuju untuk menjadi rakan strategik dengan MOSTI bagi menjayakan program *Creativity & Science4U* bagi Zon Selatan yang telah bermula sejak semalam (6 Mac 2015) yang akan berlangsung selama tiga hari. Kerjasama yang diberikan ini adalah amat bermakna dan menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan Negeri Sembilan dalam usaha untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi serta membangunkan modal insan yang berkualiti bagi menerajui negara di masa hadapan.
3. Kejayaan program ini juga adalah hasil kerjasama erat yang terjalin antara MOSTI dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, secara khususnya di peringkat zon selatan ini, komitmen yang tinggi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Tidak dilupakan juga tuan rumah kepada program ini, setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji Zilkiflee Abd. Rahman, Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar (STTJ) kerana sudi untuk menawarkan tempat penganjuran *Creativity & Science4U* serta segala pengurusan yang berkaitan.

4. Saya menaruh keyakinan bahawa penglibatan semua pada hari ini yang terdiri daripada pegawai di agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, IPTA/ IPTS, Institut Pendidikan Guru, MRSM serta institusi-institusi yang lain telah membuktikan bahawa kesedaran berkaitan kepentingan sains, teknologi dan inovasi di negara kita telah semakin meningkat. Saya amat berbangga dengan kesungguhan semua pihak dalam menjayakan agenda Kerajaan untuk memacu negara kita ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Program Creativity & Science4U

5. Program ini adalah merupakan satu usaha yang dilaksanakan oleh MOSTI sejak tiga tahun yang lalu dan ianya selari dengan salah satu teras yang digariskan dalam **Dasar Sains dan Teknologi Negara** bagi membudaya serta menggalakkan pembelajaran sains di pelbagai peringkat. Pada tahun 2014 sahaja, program ini telah berjaya mendapat perhatian meluas melalui penglibatan lebih daripada 35,000 pelajar, guru, belia dan ibu bapa melalui “roadshow” *Creativity & Science4U* yang telah dilaksanakan oleh MOSTI. Ini telah membuktikan bahawa gerakan turun padang oleh pihak Kementerian dan agensi MOSTI bagi menerokai aplikasi sains telah begitu menarik minat masyarakat kita pada hari ini.
6. Bagi tahun 2015, gerakan inovasi ini akan diteruskan dengan skala yang lebih besar melalui kerjasama strategik MOSTI dengan pelbagai rakan strategik yang lain dengan penganjuran program yang akan diadakan sepanjang tahun ini di seluruh negara. Program *Creativity &*

Science4U ini akan diadakan di enam zon, iaitu di **Zon Selatan** (Negeri Sembilan, Johor dan Melaka), **Zon Utara** (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak), **Zon Tengah** (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya), **Zon Timur** (Kelantan, Terengganu dan Pahang), **Zon Sarawak** dan **Zon Sabah**. Peluasan pelaksanaan program ke enam zon ini adalah bertujuan untuk lebih mendekatkan diri kepada rakyat di setiap pelosok negara.

7. Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini adalah merupakan platform terbaik bagi penyaluran dan perkongsian ilmu sains, teknologi dan inovasi. Penglibatan semua agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, sesi perkongsian ilmu dan pengalaman kerjaya daripada YBhg. Dato' Dr. Sheikh Muszaphar (Angkasawan Negara), Encik Norman Abdul Halim (KRU Studios) dan tokoh-tokoh terkemuka yang lain adalah merupakan satu suntikan semangat kepada generasi muda bahawa negara kita juga mampu untuk menandingi negara maju sekiranya kita berusaha ke arah tersebut.
8. Pengaplikasian ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi ini juga semakin jelas dalam kehidupan seharian kita kerana tuan/puan telah dapat melihat sendiri pada masa ini mengenai penggunaan ilmu falak yang merupakan salah satu cabang dalam sains Islam. Persatuan Falak Syarie Malaysia dan Jabatan Mufti Negeri Sembilan yang turut bersama kita pada hari ini akan berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman mereka dalam sains pencerapan bintang dan lain-lain.

9. Pihak MOSTI juga ingin merakamkan penghargaan terhadap penyertaan agensi atau persatuan setempat yang akan mendukung agenda inovasi di peringkat akar umbi Zon Selatan ini khususnya kepada UiTM Seremban, Kolej Teknologi Antarabangsa Cosmopoint, KRU Academy Sdn. Bhd., IKBN Chembong, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Bomba & Penyelamat, Institut Latihan Perindustrian Pedas, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Penerangan Negeri Sembilan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Pertahanan Awam Negeri Sembilan (JPAM).
10. Saya amat gembira dengan sambutan agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang terlibat untuk program pada kali ini. Saya amat berharap supaya para pelajar dan hadirin sekalian akan dapat menggunakan peluang ini untuk mengunjungi setiap aktiviti dan mendalami ilmu sains serta teknologi yang terdapat di negara kita. Saya menyeru agar semua pihak akan memanfaatkan program ini dengan mengunjungi dan menerokai perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi MOSTI seperti Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Jabatan Meteorologi Malaysia, SIRIM Berhad, Inno Biologics Sdn. Bhd., Yayasan Angkasawan Malaysia, Majlis Rekabentuk Malaysia, Agensi Remote Sensing Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia.

Anugerah Inovasi Negara 2015

11. MOSTI juga turut memberi pengiktirafan kepada para pereka cipta tempatan melalui Anugerah Inovasi Negara (AIN) yang merupakan acara tahunan MOSTI. Pada tahun ini, Majlis Penghargaan Anugerah Inovasi Negara (AIN) akan dilangsungkan pada bulan Mei nanti dan pada masa ini, penyertaan dalam AIN sedang dibuka kepada semua. Adalah juga diharapkan agar hasil pertandingan inovasi di peringkat zon selatan ini akan melahirkan finalis pertandingan inovasi sekolah dan seterusnya akan memenangi Anugerah Inovasi Negara 2015 bagi Kategori Sekolah. Kejayaan ini adalah merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan kerana saya telah difahamkan bahawa Majlis Penghargaan tersebut akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.

Penutup

12. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan syabas sekali lagi kepada semua yang telah menjayakan program ini terutamanya pihak Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Kimia Malaysia yang menerajui bagi pihak MOSTI serta semua pihak Pengurusan STTJ.

Sekian, terima kasih.